

12 OCT 1996

Umno-Mahathir (PBB)

PENGALAMAN DI PBB BANTU RAZALI JADI PRESIDEN UNGA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Langkah kerajaan menempatkan Tan Sri Razali Ismail untuk berkhidmat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak lapan tahun lepas telah membolehkannya dikenali ramai dan dipilih menjadi presiden perhimpunan agung badan dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan Razali itu membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu bersaing dengan sesiapa saja dalam arena antarabangsa.

Katanya Razali mungkin tidak berpeluang memegang jawatan itu sekiranya kerajaan tidak membuat perubahan dalam amalan mengenai penempatan diplomat di luar negara.

"Apa sebab dulu kita tak jadi, (maka) kita kaji dan dapati bahawa amalan lama apabila kita hantar wakil kita ke PBB ia hanya untuk tiga tahun kerana ini peraturan dalam urusan kerajaan," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Katanya setelah berada lama di PBB, Razali dapat menguasai segala perkara berkaitan dengan badan dunia itu sehingga beliau kerap dirujuk termasuk oleh wakil-wakil dari negara maju.

"Semua orang kenal Tan Sri Razali...tak siapa yang membangkang pemilihannya," kata Dr Mahathir, yang turut menyebut mengenai seorang calon lain dari Asia yang sanggup menarik diri untuk memberikan laluan kepada Razali.

Perdana Menteri berkata pemilihan Razali menunjukkan bahawa jika pendekatan yang boleh membawa kejayaan digunakan, maka kejayaan boleh dicapai.

"Kalau kita guna pendekatan yang boleh mencapai kejayaan, akan berjayalah kita tetapi kalau kita buat sambil lewa, kita marah kenapa orang tak sokong kita, kita akan kecewa sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir juga mengumumkan mengenai pelantikan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar sebagai duta khas ke Eropah Timur.

Pelantikan itu dibuat berdasarkan pengalaman luas Kamil, yang terkenal di seluruh Eropah Timur dan beliau juga kenal dengan pemimpin-pemimpin Bosnia, Serb, Croatia dan negara-negara Eropah. -- BERNAMA

AZZ MAI